

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (22)
Tarikh : 17 Julai 2014

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "RAYU JPN LULUS
PERMOHONAN SURAT LAHIR ANAK" BERTARIKH 15 JULAI 2014, SELASA – M.S: 20**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu berkaitan Encik Salmizi bin Rashid berkenaan memohon pihak JPN meluluskan permohonan sijil kelahiran anaknya.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik Salmizi bin Rashid pernah mengemukakan permohonan Daftar Lewat Kelahiran untuk anaknya Mohamad Fitri bin Salmizi pada 22/11/2012 di JPN Daerah Pasir Mas. Walaubagaimanapun permohonan tidak berjaya adalah kerana maklumat yang diberikan bercanggah dengan maklumat saksi. Surat makluman berhubung dengan keputusan permohonan telah dimaklumkan melalui surat pada 08/04/2014 berdasarkan alamat yang beliau kemukakan semasa membuat permohonan.

4. Pihak JPN mengesyorkan Encik Salmizi bin Rashid untuk mengemukakan semula permohonan pendaftaran lewat kelahiran untuk anak beliau berserta bukti kelahiran berlaku di Malaysia bagi di JPN bagi membolehkan permohonan Daftar Lewat Kelahiran anak beliau diproses dan seterusnya dikeluarkan sijil kelahiran lewat sebagaimana yang diperuntukan oleh undang – undang Negara ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)